

Merbok

Lembangan Warisan Budaya dan Peradaban Tertua Asia Tenggara



MERBOK MERUPAKAN SEBUAH PEKAN KECIL TERLETAK DALAM DAERAH KUALA MUDA, KEDAH. JIKA SESEORANG INGIN KE TANJUNG DAWAI UNTUK MENDAPATKAN PRODUK LAUT SEPerti IKAN BILIS, SOTONG KERING, IKAN MASIN, KEROPOK, BELACAN TUMBUK DAN PELBAGAI PRODUK LAUT, INDIVIDU TERSEBUT SEMESTINYA AKAN MELALUI PEKAN KECIL INI. JIKA TIDAK KE TANJUNG DAWAI, PENGUNJUNG KE BUKIT BATU BAHAT, SEKURANG-KURANGNYA UNTUK MANDI BERSAMA-SAMA AHLI KELUARGA SAMBIL MENIKMATI KESEGERAN FLORA DAN FAUNA YANG MENGHIJAU. TIDAK JAUH DARI PEKAN INI TERLETAKNYA MUZIUM ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG YANG MENYIMPAN PELBAGAI ARTIFAK KERAJAAN KEDAH TUA DAN MASYARAKAT KUNO LEMBAH BUJANG.

Dapat dikatakan bahawa jarang-jarang pengunjung akan meluangkan masa yang lama di pekan kecil ini kerana tiada apa-apa yang menarik untuk menggamit hati mereka. Namun begitu, Merbok merangkumkan beberapa institusi dan wilayah yang mempunyai warisan khazanah negara yang tiada tolok bandingnya. Hal ini diperkatakan demikian kerana di sinilah bermulanya tapak peradaban awal kerajaan Melayu di Nusantara. Menurut *Hikayat Merong Mahawangsa*, pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi kerajaan Kedah Tua

dilakukan di Pelabuhan Merbok, yang terletak berdekatan dengan ibu negeri pada ketika itu, iaitu di Bukit Meriam, Kuala Muda.

Sungai Merbok yang pernah menjadi pelabuhan tersohor terdiri daripada pembentukan beberapa anak sungai seperti Sungai Pasir, Sungai Jagong, Sungai Petani, Sungai Kerisek, Sungai Merbok Kecil, Sungai Derhaka Dalam, Sungai Terus, Sungai Lalang, Sungai Bujang, Sungai Gelam dan Sungai Batu Larangan. Pelabuhan

Salah satu artifak yang ditemukan di Sungai Batu.



Perahu sagor yang digunakan masyarakat Melayu Kedah sebagai pengangkutan di sungai.



Makam Sultan Mudzaffar Shah 1 di Kg. Langgar, Mukim Bujang.

tersebut dikatakan menjadi pusat dagangan kuno, tempat persinggahan kapal dagangan, iaitu tempat ditemui bukti lima hingga tujuh buah kapal dagangan berusia kira-kira 2500 tahun yang tertanam di hutan kelapa sawit di sekitar Lembah Bujang. Gunung Jerai yang terletak di utaranya menjadi petunjuk arah kepada pelayar dan pedagang melakukan persinggahan di rantau ini.

Berdasarkan *Hikayat Merong Mahawangsa*, terdapat lapan orang raja yang bertanggungjawab mengasaskan dan mendirikan kerajaan Kedah Tua. Mereka terdiri daripada Raja Merong Mahawangsa, Raja Merong Mahadipusat, Raja Ganjil Sarjuna, Raja Puteri, Raja Seri Maha Wangsa, Raja Seri Inderawangsa (memakai gelaran Raja Ong Maha Perita Deria), Raja Phra Ong Mahadipusat (Raja Bersiong) dan Raja Phra Ong Mahawangsa.

Menurut hikayat ini, Raja Merong Mahawangsa dinyatakan menjadi nenek moyang raja-raja Kedah, raja yang mempunyai ikatan kekeluargaan


dengan raja Rom serta mendapat kepercayaan daripadanya. Oleh hal yang demikian, kerajaan Kedah Tua yang diasaskan oleh Merong Mahawangsa dan seterusnya diwarisi oleh penggantinya meneruskan misi dagangan bijih besi dan rempah ratus dengan empayar Rom. Walau bagaimanapun, para sejarawan memiliki perbezaan pendapat tentang asal usul Merong Maha Wangsa. Ada yang berpendapat dengan apa-apa yang tertulis dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, iaitu baginda berasal dari Rom, manakala sebahagian lagi termasuk Haji Buyong Adil mengatakan bahawa baginda berasal dari Parsi.

Raja Phra Ong Mahadipusat yang merupakan putera kepada Raja Ong Maha Perita Deria yang beragama Hindu, akhirnya mengisytiharkan dirinya menganut Islam dengan memakai gelaran

Sultan Mudzafar Shah I. Baginda yang mendapat bimbingan dan pengaruh, diislamkan oleh Syekh Abdullah al-Yamani diiktiraf sebagai Sultan Kedah pertama pada tahun 1136. Dengan pengislaman Sultan Mudzafar Shah I, maka berakhirlah pengaruh Hindu dan Buddha dalam pemerintahan negeri Kedah. Baginda memerintah Kedah selama 43 tahun dan mangkat pada tahun 1179. Jenazah baginda dimakamkan di Kg. Langgar, Mukim Bujang, Kedah dan makamnya masih terjaga rapi hingga kini.



Pemandangan pekan Merbok pada waktu pagi.



Candi Pendiat yang dibina pada kurun ke-11.



Sebuah artifak yang dijadikan alat pemerah air tebu, menggunakan kerbau untuk menarik dan menjadikannya berpusing, digunakan pada kurun ke-19 Masihi.

Pemerintahan Sultan Mudzafar Shah I digantikan oleh anakandanya dengan memakai gelaran Sultan Muadzam Shah yang memerintah dari tahun 1179 hingga 1201. Salasilah kesultanan negeri Kedah tidak putus sehingga kepada sultan ke-28, KDYMM Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Mengikut cerita yang disampaikan oleh orang-orang tua tempatan, sebelum kedatangan Merong Mahawangsa, orang-orang Melayu di Kedah tidak beragama. Mereka percaya kepada unsur-unsur alam seperti matahari, bulan dan laut sebagai punca kuasa dan pemberi rezeki, lantas kebanyakannya menyembah api, air dan sebagainya. Penemuan tempat-tempat ritual dan tembikar yang membentuk simbol-simbol tertentu menunjukkan amalan animisme sudah bertapak dan menjadi amalan masyarakat Melayu sebelum kedatangan Merong Mahawangsa yang menganut ajaran Hindu.

Menurut catatan Haji Buyong Adil dalam *Sejarah Kedah*, masyarakat Melayu Kedah pada masa dahulu mempunyai dua orang ketua, iaitu Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa. Setelah bertemu raja yang melarikan diri akibat kalah perang dan bermukim di Kuala Sungai Qilah serta tertarik dengan budi dan kelakuan baik, Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa telah melantiknya

menjadi raja di negeri Kedah. Baginda serta kedua-dua pembesar itu mengatur orang besar-besar menjalankan pemerintahan dan pentadbiran di negeri Kedah. Raja tersebut memiliki alat kebesaran yang dibawanya bersama seperti semambu, negara (gendang), nafiri (serunai), dua buah gendang, dua buah serunai, dua buah gong besar dan kecil. Alat-alat kebesaran ini dikenali sebagai "nobat".

Tidak jauh dari pekan Merbok terletak sebuah tempat yang bernama Sungai Batu. Berkedudukan 10 kilometer dari Sungai Petani dan 80 kilometer dari bandar Alor Setar, pada awalnya Sungai Batu merupakan kawasan perladangan kelapa sawit sebelum dibangunkan dengan penempatan. Sekumpulan pengkaji arkeologi dari Universiti Sains Malaysia menemui beberapa artifak berharga yang membuktikan bahawa kawasan tersebut telah berkembang maju lebih 2000 tahun dahulu. Pasukan tersebut juga telah mengenal pasti 100 titik penggalian berpotensi di Sungai Batu dan turut mengesahkan tapak di kawasan tersebut pernah menjadi sebuah pelabuhan semasa abad pertama.

Penemuan lima hingga tujuh buah kapal dagangan berusia kira-kira 2500 tahun yang tertanam di dasar hutan kelapa sawit di sekitar Lembah Bujang menunjukkan kawasan tersebut menjadi tumpuan

kapal-kapal dagang berlabuh di situ. Penemuan juga memperlihatkan bahawa wujud sebuah sungai purba yang dalam dan luas, dipercayai menjadi pelabuhan entreport yang berdagang dengan beberapa kerajaan kuno. Sungai Batu yang meliputi kawasan seluas empat kilometer persegi wujud sekitar tahun 535 sebelum Masihi menjadi bukti bahawa Kedah Tua membentuk tamadun awal di Asia Tenggara yang sezaman dengan tamadun Rom dan Yunani. Antara barangan yang dipercayai didagangkan di pelabuhan ini ialah besi (*iron*), rempah ratus, bijih besi (*iron ore*), emas, seramik, senjata, damar, rotan, kayu cendana, gading, wangian, sutera dan manik.

Bukti aktiviti peleburan besi menerusi tinggalan relau, sisa besi, bijih besi, alat batu, alat logam dan *tuyere* di Sungai Batu menunjukkan industri besi telah berlangsung begitu lama dan bertahan sehingga kurun ke-15 Masihi: Besi berwarna hitam yang dinamakan "qalai" dan bermutu tinggi yang digunakan untuk membuat senjata tersebut dilebur dengan menggunakan teknik peleburan langsung bersama bahan pemangkin. Besi yang dilebur itu dijadikan besi jongsong bagi tujuan eksport ke beberapa lokasi di dunia termasuk empayar Rom. Kemudahan mendapat sumber bahan yang berkualiti dan kekayaan khazanah alam serta disokong oleh

pelabuhan yang baik membantu pusat peleburan besi bertahan dengan begitu lama.

Kewujudan monumen pelabuhan dan monumen keagamaan menunjukkan Lembangan Sungai Batu menjadi pusat penting kepada ketamadunan dalam perkembangan ekonomi dan kepercayaan di rantau Asia Tenggara. Malah monumen agama yang dibina pada tahun 110 diiktiraf antara yang terawal di rantau ini, mendahului kuil Borobudur, Jawa Tengah dan kuil Angkor Wat, Kemboja. Manakala kewujudan monumen pelabuhan menunjukkan kegiatan ekonomi dan perdagangan telah berkembang pesat pada era kerajaan Kedah Tua, mendahului kerajaan Funan dan Chenla yang berpusat di Delta Mekong. Kedudukan pelabuhan Sungai Merbok yang dalam, menghubungkan laluan barat dan timur dan terlindung oleh tanah Sumatera daripada ancaman angin, menjadi tarikan kepada kapal-kapal dagangan untuk berlabuh di sini.

Bukti penemuan artifak arkeologi di Sungai Merbok, Sungai Batu dan Lembah Bujang mengukuhkan pendapat bahawa nenek moyang orang Melayu mempunyai peradaban yang kukuh dan berkembang maju. Kemajuan tersebut membentuk pusat peradaban, kebudayaan dan perdagangan yang masyhur sehingga

ke seluruh dunia. Penemuan tersebut juga diiktiraf oleh ahli-ahli arkeologi yang mempunyai kepakaran terhadap lima tamadun purba dunia- Mesopotamia, Indus, Mesoamerika, China dan Greek Tua.

Usaha penggalian dan penerokaan mencari artifak sejarah di Lembangan Sungai Merbok, termasuk Sungai Batu dan Lembah Bujang dijangka menemui pelbagai siri penemuan yang menarik dan eksklusif. Nescaya penemuan ini akan merungkai banyak persoalan yang sekian lama terpendam sebagaimana terpendamnya runtuh seni bina dan “negara kota” kerajaan Kedah Tua di negara ini. Sudah sampai masanya pihak berwajib dan badan berkaitan merangka langkah yang sesuai dengan segera bagi memastikan kelestarian tapak warisan dunia kekal terpelihara.

Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan harus menempatkan tapak ini dalam peta pelancongan yang wajib dilawati oleh pelancong dalam dan luar negara. Dengan pemetaan ini, pelancong luar negara tidak lagi menganggap penduduk Malaysia hidup di atas pokok dan hutan belantara pada zaman dahulu, sebaliknya pernah menerajui peradaban dunia pada awal abad Masihi. Melalui cara ini, rakyat negara kita juga akan “celik”

terhadap sejarah kehidupan awal orang Melayu.

Pihak berwajib juga perlu menyediakan dana yang mencukupi bagi meneruskan kerja-kerja penerokaan dan penggalian di kawasan ini. Selain sumber dalam negara, dana dari luar negara juga perlu diusahakan bagi menampung kos kajian. Usaha untuk menimbulkan kapal kuno yang tenggelam di perut Sungai Batu, jika perlu, sudah semestinya memerlukan dana yang besar. Usaha ini jika dilaksanakan akan menarik jutaan pengunjung termasuk pakar arkeologi, sejarawan dan peminat sejarah dari seluruh dunia untuk melihat “keajaiban” baharu dunia.

Kementerian Pendidikan Malaysia disarankan untuk merangka dan menjadikan subjek sejarah di sekolah sebagai mata pelajaran yang menarik dan tidak membosankan. Dalam hal ini, sewajarnya guru-guru sejarah diberi latihan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti agar penyampaian mereka kepada pelajar meninggalkan kesan yang positif. Selain mengundang minat kepada mata pelajaran Sejarah, para pelajar juga akan kembali memahami kepentingannya, asal usul kaum asal di negara ini, serta membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan mereka. **DB**

Penemuan candi menjadi bukti pengaruh Hindu-Buddha dalam amalan keagamaan di Lembah Bujang.